

01 OCT 2002

Effendi-Pertanian

PROJEK SATU INDUSTRI SATU KAMPUNG BERMULA DI KEDAH Hujung TAHUN INI

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Projek satu industri satu kampung, akan dimulakan di Kedah pada hujung tahun ini secara usahasama antara Kementerian Pertanian dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, kata Menteri Pertanian Datuk Mohd Effendi Norwawi hari ini.

Beliau berkata projek itu kini di peringkat kajian terakhir dalam mengenal pasti projek dan kampung yang terlibat dan projek di Kedah itu akan dijadikan contoh untuk diperkenalkan di negeri-negeri lain.

Mohd Effendi berkata demikian selepas perasmian serentak MAHA 2002 (Pertunjukan Pertanian, Hortikultur & Agro Pelancongan) Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan dan Agritech Malaysia 2002, oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Pameran dan Persidangan The Mines, dekat sini, hari ini. Pameran enam hari itu akan berakhir pada Ahad.

Kementerian itu telah mengenal pasti 10 jenis projek industri makanan yang berdaya maju yang boleh dibangunkan di kampung-kampung di negeri itu sebagai projek hiliran daripada hasil produk pertanian kawasan-kawasan itu.

Dengan cara ini, bukan sahaja kegiatan peladang, penternak dan nelayan di kampung-kampung dapat dipelbagaikan, malah masa terluang mereka dapat diisi dengan kegiatan yang dapat meningkatkan pendapatan mereka serta mewujudkan peluang pekerjaan kepada anak-anak mereka, katanya.

Projek industri itu akan dibangunkan secara koperasi dengan melibatkan persatuan peladang setempat, dan dibantu pembiayaannya oleh kerajaan, katanya.

Beliau berkata projek itu akan menitikberatkan kepada pengeluaran berkualiti, jenama yang sesuai bagi menembusi bukan sahaja pasaran tempatan, tetapi juga antarabangsa serta pemasaran yang lebih berkesan.

Projek ini diharap dapat menggalakkan para peladang, penternak dan nelayan sentiasa berusaha menambah nilai kepada hasil keluaran pertanian mereka dengan cara meningkatkan lagi nilai komersil barangan itu, katanya.

Beliau berkata contohnya, antara projek yang boleh dibangunkan ialah dengan melibatkan pesawah dengan aktiviti akuakultur serta mewujudkan industri hiliran untuk memproses hasil keluaran mereka.

Effendi juga berkata usaha kerajaan menggalakkan peladang, penternak dan nelayan terlibat dengan penggunaan teknologi dalam aktiviti pertanian kini semakin menggalakkan dengan jumlah yang terlibat mencapai ribuan orang.

Malah permohonan untuk mendapatkan pinjaman daripada kerajaan dari tahun 2001 hingga Jun tahun ini di bawah insentif syarikat swasta melebihi RM5 bilion dengan jumlah besar permohonan untuk aktiviti perikanan diikuti dengan ternakan dan pertanian, katanya.

Effendi berkata kini cabaran baru Kementerian Pertanian adalah untuk memastikan pembangunan sektor pertanian negara tidak memudaratkan alam sekitar.

Untuk itu, beliau kini mengadakan lawatan sambil belajar ke luar negeri, baru-baru ini ke Belanda dalam usaha mengenalpasti cara terbaik memastikan pembangunan pertanian berkekalan secara seimbang dengan alam sekitar, katanya.

Selain itu, beliau turut mempelajari cara meningkatkan pengeluaran pertanian dalam kawasan yang kecil seperti pengeluaran tomato menggunakan rumah kaca di Belanda yang berjaya menghasilkan 600 tan tomato setahun berbanding di negara ini hanya 20 hingga 100 tan sahaja, katanya.

-- BERNAMA

HK HK PR